



4 Mac 2013
4 March 2013
P.U. (A) 81

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 2) 2013

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF
TAX AND STAMP DUTY) (NO. 2) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 2) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 2) 2013**.
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 4 Mac 2013.

Peremitan cukai

2. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] hendaklah diremitkan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara atau dokumen yang berhubung dengan Nota Jangka Sederhana Islam yang diterbitkan di bawah Program Nota Jangka Sederhana Islam dengan nilai nominal sehingga satu bilion ringgit (RM1,000,000,000.00) (“Program IMTN”) yang dibuat atau akan dibuat oleh Sarawak Hidro Sdn. Bhd. (“Penerbit”) termasuk, tetapi tidak terhad kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan jaminan (“Jaminan”) yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia, oleh—

- (a) Penerbit, yang baginya Akta ini terpakai menurut kuasa Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Sarawak Hidro Sdn. Bhd.) 2012 [P.U. (A) 276/2012];
- (b) mana-mana pemegang Nota Jangka Sederhana Islam; atau
- (c) mana-mana pihak yang lain dalam apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program IMTN atau Jaminan, termasuk